

Sumber baru modal asing Labuan jadi pusat tumpuan pelabur

Oleh AMINUDDIN IBRAHIM

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Wilayah Persekutuan Labuan akan menjadi pusat tumpuan kepada kemasukan sumber-sumber baru modal asing bagi membiayai pelbagai kegiatan perindustrian negara yang semakin pesat.

Katanya, pulau itu juga dijangka berfungsi secara berkesan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan serantau yang berdaya maju.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pelancaran Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisiran Pantai Antarabangsa (IOFC) adalah antara langkah penting dalam strategi memajukan perkhidmatan kewangan bagi menyokong kegiatan pembangunan Malaysia.

Sehubungan itu, katanya kerajaan sudah mengenal pasti beberapa projek pembangunan jangka pendek dan panjang bagi menjayakan Labuan sebagai pusat kewangan utama dan terkemuka.

"Ada di antara beberapa projek itu sudah dilaksanakan manakala lainnya sedang dalam peringkat kerja awal," katanya sewaktu menyampaikan ucapan dasar di perasmian persidangan IOFC di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (Mida), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Insurans Malaysia (MII).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, antara beberapa projek pembangunan itu, termasuk cadangan menyediakan beberapa bangunan pejabat menggunakan

teknologi terbaru bagi kegunaan institusi kewangan pesisiran pantai.

Antara lain, kemudahan itu bertujuan melengkapkan institusi kewangan luar pesisir dengan keadaan sekeliling pekerjaan yang lebih memberangsangkan, katanya.

Perdana Menteri berkata, sesetengah bangunan itu akan dimajukan oleh agensi kerajaan terutamanya bagi kawasan zon dikenali sebagai Pusat Kewangan atau Daerah Kewangan.

Beliau berkata kerajaan juga akan memastikan kemudahan telekomunikasi di negeri itu memenuhi kehendak IOFC. Sehubungan itu, beberapa projek pembangunan sedang dimajukan oleh Syarikat Telekom Malaysia (STM) bagi meningkatkan kemudahan telekomunikasi di negeri itu.

"Kami juga akan memastikan segala kemudahan bagi Labuan diberi peruntukan utama mengikut kehendak IOFC," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga mencadangkan Penerbangan Malaysia (MAS) menyediakan jadual perkhidmatan terus di antara Labuan dan Kuala Lumpur serta Labuan dan Kota Kinabalu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Jika permintaannya menggalakkan kita akan mengadakan penerbangan terus di antara beberapa negara asing ke Labuan."

Ini bertujuan menyediakan kemudahan kepada pelawat di Labuan dengan perkhidmatan pengangkutan yang lebih selesa pada masa yang singkat.

"Saya sedar masa itu penting bagi ahli perniagaan dan oleh itu adalah perlu

kita menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang cekap," katanya.

Menurutnya, pembinaan hospital moden di Labuan juga sedang giat dilaksanakan dengan menyediakan beberapa pakar perubatan untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk tempatan dan luar.

Beliau berkata beberapa pertanyaan dan minat yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak terhadap Labuan IOFC selama ini menunjukkan pulau itu boleh muncul dan terkenal secara tersendiri.

Katanya, Labuan yang berhampiran dengan beberapa ibu negara di Asia ialah kawasan yang sesuai dimajukan sebagai pusat kewangan setempat.

"Kami bercadang membangunkan Labuan sebagai tempat yang dapat memenuhi kehendak industri bank dan insurans bagi pelbagai jenis syarikat dan individu di rantau Asia-Pasifik yang bercadang melindungi aset serta menguruskan tanggungan cukai," katanya.

Sehubungan itu, beliau yakin pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan bukan saja akan memberi manfaat kepada sektor perindustrian tetapi juga sektor insurans.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa matlamat kerajaan ialah untuk membenarkan ahli perniagaan luar pesisiran yang mempunyai kefahaman antarabangsa melabur di Labuan.

"Namun begitu, proses pemilihan itu bukan saja tertakluk kepada bank luar pesisiran, syarikat insurans dan syarikat pelaburan tetapi sektor perkhidmatan lain seperti sektor perundangan, perakaunan dan tabung amanah," katanya.